

PANDANGAN MASYARAKAT MELAYU SUNGAI WAY

MENGENAI PERUBATAN TRADISIONAL DAN PERUBATAN MODEN

Oleh Mardian Sabariah di atas usaha beliau mempertahankan dan meningkatkan pengetahuan tradisional Melayu ini. Tanpa tanjung akan ada keuntungan dari beliau berusaha melanjutkan ilmu ini. Maka bantahan, saran dan kritik pasti perlu diberikan kepada saya.

LATIHAN ILMIAH
BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT-SYARAT UNTUK
IJAZAH SARJANA MUDA SASTRA
DALAM ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

Di Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Selangor, 1974

- Mardian Sabariah, Sos., Aan dan Mok

- Mardian Sabariah, Sos., Aan dan Mok

oleh Mardian

No. Matrik 19838

Kuala Lumpur, 1974.

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
OKTOBER 1974

Penghargaan

Ucapan terima kasih setinggi-tingginya kepada pengawas saya Cik Mazidah Zakaria di atas usaha beliau memberikan pengawasan pada peringkat penulisan latihan ilmiah ini. Tanpa tunjuk ajar dan komentar dari beliau tentulah latihan ilmiah ini tidak lengkap. Juga terima-kasih serta penghargaan kepada;

- Encik Ahmad Kamar Abdul Rahman
- Encik Hussein Mohamed
- Responden-responden kawasan perumahan Sungai Way
- Encik Rosman Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor Sungai Way
- Adik-adik Li, Noni, Len, Ana dan Mah
- Saudara Ahmad Fauzi Kasim
- Cik Aminah dan Cik Habsah

Juga mereka yang telah memberi kerjasama.

Hormat dari saya,

Jabatan Antropologi dan Sosiologi
Universiti Malaya

Shb. Disember, 1974

DAFTAR ISI

Daftar Isi	(A) Pautan Pengajaran	111
Penghargaan	(B) Pautan Alor Setting	11
Kandongan	(C) Pautan Sekurian Perubatan Tradisional	111
Senarai Jadual Dan Peta		V
Bab Pertama : <u>PENDAHULUAN</u>		1 - 9
	(A) Tujuan dan bidang kajian	
	(B) Latar belakang tempat kajian	
	(C) Cara kajian dijalankan	
	(D) Masalah kajian	
Bab Kedua :	<u>PENGERTIAN KONSEP PERUBATAN TRADISIONAL DAN PERUBATAN MODEN</u>	10 - 22
	(A) <u>PERUBATAN TRADISIONAL</u>	
	(a) Kepercayaan	
	(b) Asal usul penyakit	
	(c) Pawang atau bomoh dengan magisnya	
	(d) Cara perubatan	
	(B) <u>PERUBATAN MODEN</u>	
	(a) Hospital atau klinik	
	(b) Kakitangan atau penolong	
	(c) Doktor	
Bab Ketiga :	<u>PANDANGAN MASYARAKAT MELAYU SUNGAI WAY MENGENAI PERUBATAN TRADISIONAL DAN MODEN</u>	23 - 34
	Dari Segi	
	(A) Kepercayaan dan asal usul penyakit	
	(B) Jenis penyakit	
	(C) Cara perubatan	
	(D) Kemudahan Perubatan	
	(E) Peranan bomoh	

Bab Ke Empat : SEBAB-SERAB PERUBAHAN PANDANGAN DARIPADA 35 - 40
PERUBATAN TRADISIONAL KEPADA PERUBATAN MODEN

- (A) Faktor Pelajaran
- (B) Faktor Alam Keliling
- (C) Faktor Kelemahan Perubatan Tradisional

Bab Kelima : PENUTUP 41 - 43

Bibliography 44

Jadual 1 : Pendekat Bengali Way berdasarkan kumpulan

Jadual 11a : Peringkat usia 50 responden

Tata : Klasifikasi peringkat Bengali Way

oooooooooooooooooooooooo

SENARAI JADUAL DAN PETA

- Jadual 1 : Penduduk Sungai Way berdasarkan kumpulan etnik
Jadual 11: Peringkat umur 50 responden
Peta : Kawasan perumahan Sungai Way

A. Tajuk dan Nama

Tajuk tulisan ini adalah berdasarkan pada pengalaman abang pengajar masyarakat Melaka di Sungai Selangor yang masih pernah berlatih dalam tradisional dan modern moden. Masyarakat Melaka Sungai Way dianugerahkan oleh kerajaan sebagai masyarakat Melaka bandar. Jadi ini bukan merupakan pengajian untuk menilai bagaimana pentingnya masyarakat melaka yang tinggal dibawah tanah dan perubatan.

Perubatan tradisional adalah berbeza dari perubatan moden. Perubatan tradisional yang tidak dapat dilihat ketika itu oleh Melaka sejak zaman dahulu lagi merupakan sistem perubatan yang berasaskan kepada segala maklumat sifat perubatan moden termasuk pada pengetahuan sains walaupun nilai dan manfaatnya besar.

Tradisionaliti dalam perubatan tradisional

BAB I - PENDAHULUAN

Latahan ilmiah ini cuba meninjau pandangan orang Melayu didalam bidang perubatan. Perubatan cara tradisional merupakan satu bahagian penting dalam kebudayaan orang Melayu tetapi dengan adanya pengaroh barat yang membawa ciri-ciri perubatan moden maka perubatan cara tradisional ini menerima persaingan. Oleh itu pengkaji berpendapat pandangan orang Melayu terhadap sistem perubatan juga turut berubah.

A Tujuan dan Bidang Kajian.

Tujuan kajian ini ialah untuk mengetahui pandangan atau pendapat masyarakat Melayu Sungai Way Selangor mengenai perubatan tradisional dan perubatan moden. Masyarakat Melayu Sungai Way dianggapkan oleh pengkaji sebagai masyarakat Melayu bandar. Jadi ini bersesuaian dengan tujuan pengkaji untuk meninjau bagaimana pandangan masyarakat melayu yang tinggal dibandar terhadap perubatan.

Perubatan tradisional adalah berbeza dari perubatan moden. Perubatan tradisional yang terdapat dalam kehidupan orang Melayu sejak zaman dahulu lagi merupakan sistem perubatan yang berdasarkan kapada magis manakala sistem perubatan moden berdasarkan pada pengetahuan sains sesuai dengan nilai dan pengetahuan moden.

Tradisionaliti dalam konteks perubatan tradisional mempunyai maafna yang lebuh luas ia-itu berupa sasauatu yang

lama yang wujud salari dengan kepercayaan orang melayu sebelum berlakunya pertembongan dengan sivilisasi barat. Perubatan tradisional adalah bentuk dan corak perubatan sebelum adanya pungaroh hospital atau perubatan moden.

Oleh kerana adanya perbezaan ini pengkaji ingin melihat bagaimakah pandangan dan nilai-nilai masyarakat melayu sekarang terhadap sistem perubatan. Hipotisis yang digunakan pengkaji sebagai asas kajian ialah anggapan adanya perubahan dari perubatan tradisional kapada perubatan moden.

Perubahan ini dianggap berlaku kerana adanya perubahan tempat tinggal dari kampong ka bandar. Kampong merupakan pusat perubatan tradisional manakala bandar adalah pusat perubatan moden. Dengan berubahnya tempat tinggal ujud kemungkinan berubahnya pandangan hidup orang-orang melayu kapada nilai-nilai moden.

Masyarakat melayu bandar adalah menerima unsur-unsur moden melalui peroses modenisasi dengan perkembangan pelajaran, kemudahan-kemudahan hospital, sistem pengangkutan dan sistem perhubungan jalan raya yang baik dan corak pekerjaan berbentuk perindustrian. Faktor-faktor ini boleh membawa perubahan pandangan kapada perubatan moden.

Masyarakat bandar adalah terdiri dari berbilang bangsa. Dengan ini berlaku interaksi dan hubungan sosial antara

kelompok ethnik Melayu, Cina, India dan lain-lain bangsa.

Keadaan ini juga mungkin membawa perubahan dikalangan masyarakat Melayu dari segi pegangan mereka terhadap tradisi lama termasuklah pandangan mereka dalam bidang perubatan.

B - Latar Belakang Tempat Kajian

Tempat kajian ini adalah dikawasan perumahan Sungai Way yang merupakan satu kawasan bandaran dalam negeri Selangor. Ia terletak di tengah-tengah, antara bandar-bandar Kelang, Shah Alam, Subang, Petaling Jaya dan Kuala Lumpur. Sungai Way ini mengadap jalan raya Federal Highway. ⁽¹⁾ Di kawasan sakitarnya terdapat kilang perusahaan seperti Guiness Stout, Kilang Electronik National, Tamura, Monsanto dan kawasan perumahan University Garden dan kampong Tangku. Keseluruhannya kawasan ini adalah diuruskan oleh Majlis Bandaran Sungai Way Subang.

Jauhnya Sungai Way dari Bandar raya Kuala Lumpur ialah kira-kira 8 batu dan dari bandar Petaling Jaya kira-kira 2 batu. Perhubungan dengan ke dua-dua bandar menjadi sangat mudah dengan adanya sistem pengangkutan dan jalan raya yang baik. Segala aktiviti seperti pekerjaan, Sekolah, membeli belah adalah bertemu di pusat-pusat bandar ini.

(1) Federal Highway adalah jalan raya yang terbesar di Malaysia.

Kawasan ini merupakan yunit perumahan yang didirikan oleh
 (2) Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor. Rumah-rumah yang didirikan
 ialah rumah batu berderet yang sederhana. Rumah ini mempunyai
 dua bilek tetapi kawasannya agak luas dimana jika penghuninya
 berkemampuan ia boleh membesarakan rumahnya. Kawasan ini mula dibuka
 tahun 1968 dengan projek perumahan Rancangan Pertama. Pada tahun
 1970 kawasan ini diperluas dengan projek perumahan Rancangan Kedua.

Di kawasan perumahan ini terdapat kemudahan seperti kedai
 yang didirikan 7 deret dan surau serta sekolah yang sedang dalam
 pembinaan. Di bahagian bandar Sungai Way yang dikenali sebagai Sungai
 Way New Village terdapat Klinik perbidanan, kedai-kedai membeli belah,
 pasar dan klinik persendirian. Dari segi kemudahan perubatan kawasan
 ini adalah berhampiran dengan pusat perubatan kerajaan seperti
 Hospital Umum dan Hospital University. Hospital saparoh kerajaan
 seperti Hospital Asunta di Petaling Jaya dan klinik-klinik persen-
 dirian terdapat di mana-mana sahaja di Sungai Way, Petaling Jaya
 dan Kuala Lumpur. Ini menyenangkan orang-orang disini untuk
 mendapatkan rawatan.

Penduduk di kawasan perumahan →

- (2) PKNS - Satu badan yang bertanggung jawab mendirikan
 rumah-rumah di kawasan perbandaran seperti Shah Alam,
 Kampong Bharu, Pantai dan lain-lain kawasan.

- (3) Komuniti Bergantung seperti

Sungai Way ini adalah terdiri daripada berbilang bangsa iaitu Melayu, Cina dan India. Perumahan di sini terdiri dari 429 unit dan tiap-tiap satu deret adalah berunsorkan percampuran antara kumpulan ethnik.

Jadual 1. Penduduk Sungai Way ⁽³⁾ berdasarkan kumpulan ethnik.


Kumpulan ethnik	Unit Rumah
Melayu	262
Cina	122
India	45
Jumlah	429

Daripada jadual dapat dilihat bahawa kumpulan ethnik melayulah yang lebih ramai jika dibandingkan dengan kumpulan ethnik Cina dan India.

Oleh kerana kajian ini berdasarkan masyarakat Melayu maka keterangan lanjut pendudoknya adalah khusus mengenai masyarakat ini. Sabagai satu kawasan bandaran, penduduk di sini bekerja diberbagai bidang pekerjaan mengikut kemahiran dan kelulusan mereka. Jenis-jenis pekerjaan mereka ini adalah bercorak perindustrian samada bekerja dengan kerajaan dan firma-firma swasta. Disamping itu terdapat mereka yang bekerja sebagai peniaga dan pemandu teksi. Dari 7 deret kedai di kawasan ini 4 deret adalah dipunyai oleh orang melayu.

(3) Kawasan Perumahan seperti dinyatakan dalam peta.

PETA : KAWASAN PERUMAHAN SUNGAI WAY⁽¹⁾



(1) Sumber : PERRADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR - SUNGAI WAY.

Kawasan perumahan ini baharu berumur 6 tahun. Penduduk yang tinggal di kawasan perumahan ini adalah terdiri dari mereka yang termasuk dalam peringkat umur muda iaitu di antara 18 - 39 tahun. Golongan tua hanya sedikit iaitu ibu-bapa mereka yang hanya menompang untuk selamanya atau sementara. Golongan muda ini adalah menerima pelajaran Inggeris dan Melayu.

Jadual II. Peringkat umur 50 Responden yang ditemui.

Umur	Golongan	Jumlah orang
18 - 39	muda	40
lebih 40	tua	10
		50

Jadual II menunjukkan golongan muda lebih ramai kerana peringkat ketegori umur 18-39 tahun ini adalah mewakili sebahagian besar penduduk di sini.

C. Cara Kajian Dijalankan

Untuk mengutip butir-butir keterangan penulis telah menggunakan cara kajian mengikut disiplin yang biasa digunakan oleh ahli authropologi dan sosiologi. Cara-cara yang telah digunakan ialah:-

- (a) Pemerhatian
- (b) Temuduga (bersifat unstructured)
- (c) Scal-selidek
- (d) Penyelidikan perpustakaan

(a) Pemerhatian

Pemerhatian dilakukan untuk mendapatkan keterangan tentang kehidupan sahari-hari responden. Dengan teknik pemerhatian tanpa cebur diri ini menambahkan 'valid' satu-satu kajian kerana meneliti pergerakan aktiviti dalam suasana 'natural'.

Malalui pemerhatian dapat diteliti:-

(i) Hubungan sosial antara berbilang bangsa yang mendiami kawasan kajian ini.

(ii) Dalam kecemasan seperti sakit tenat atau orang perempuan yang mengandong dan penglahiran anak - dimansakah yang dituju mereka.

(iii) Pemerhatian mengenai kegiatan bomoh, didapati di sini tidak terdapat bomoh yang khusus menjalankan aktiviti perubatan cara tradisional.

(b) Temuduga bersifat unstructured.

Temuduga secara 'unstructured' ini adalah temuduga jenis bebas. Pengertian 'bebas' dalam konteks ini ialah bahawa seorang pengkaji tidak memerlukan suatu persediaan tentang persoalan-persoalan yang hendak ditanya. Temuduga jenis ini lebih tersifat sebagai suatu 'perbualan', tetapi dalam bentuk susunan yang dijaga supaya butir-butir keterangan dapat diperolehi dengan cara yang teratur. Dengan cara berbual-bual begini dapat ditinjau pendapat responden dengan lebih berkesan lagi.

Jadi ia (c) Soal-selidek

Soal-selidek merupakan daftar yang mengandungi soalan-soalan yang akan ditujukan kepada responden. Dengan cara soal-selidek yang merupakan temuduga cara langsung ini memudahkan bagi pengkaji untuk mengetahui latar belakang responden seperti mengenai umur, pekerjaan, keluarga dan lain-lain.

Pembentukan persoalan-persoalan dalam soal-selidek ini banyak didasarkan kepada beberapa buah kajian ilmiah yang terdapat di Jabatan Pengajian Melayu, Jabatan Autropologi/Sesiologi dan Perpustakaan Universiti Malaya. Walau bagaimana pun persoalan-persoalan tersebut terpaksa ditekok tambahkan untuk mendapatkan sebuah daftar soal-selidek yang sesuai dengan bidang dan tujuan kajian pengkaji.

(d) Penyelidikan Perpustakaan.

Sabagai penyelidikan yang pertama bagi pengkaji cara ini amat berguna untuk menambah pengetahuan. Melalui penyelidikan perpustakaan ini pengkaji memperolehi bahan-bahan rujukan yang bertujuan bagi penerangan perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang kajian.

D. Masaalah Kajian.

Dalam sasauatu kajian memang terdapat beberapa masaalah yang tidak dapat dilakukan. Bagi pengkaji masaalah yang dihadapi merupakan hanya masaalah biasa. Pengkaji kurang menghadapi masaalah kerana tempat yang dikaji adalah tempat tinggalnya sendiri

Jadi ia sudah biasa dan tidak timbul masaalah untuk menyesuaikan diri dengan masyarakat yang dikaji.

Masaalah terbesar yang dihadapi ialah masaalah untuk menemui responden. Responden bekerja dari pagi sampai petang. Jadi pengkaji hanya berpeluang untuk bertemu dengan mereka pada waktu malam; sedangkan jangkamasa malam adalah pendek kerana tidak mungkin bagi pengkaji menemui responden lebih daripada pukul 10 malam. Oleh kerana ini mungkin akan mengganggu kesenangan responden. Pengkaji hanya berpeluang untuk bertemu responden pada waktu siang dihari minggu sahaja. Jadi peroses temuduga mengambil masa yang panjang mengikut perseusaian masa antara pengkaji dan responden.

Masaalah lain ialah dari segi sikap responden. Didalam memberikan maklumat dan pandangan, responden umumnya merasa segan dan malu serta ragu-ragu. Ini menimbulkan situasi kurang memberi perhatian terhadap apa yang disoalkan. Jadi pengkaji terpaksa berhati-hati dan cuba mengatasi keadaan ini dengan temuduga secara tidak langsung serta penerangan-penerangan mengenai kajian. Ini mengambil masa yang agak panjang dalam satu-satu temuduga.

Pengkaji juga menghadapi masaalah untuk melihat sendiri bagaimana cara perubatan tradisional kerana ditempat kajian tidak terdapat seorang bomoh pon. Jadi pengkaji terpaksa membaca mengenainya dari buku rujukan dan latihan ilmiah yang telah lalu misalnya latihan ilmiah oleh Wan Hussein Wan Mustapha (1967) dan Abdullah Taib (1967). Namun begitu pengkaji sendiri pernah melihat bagaimana 'putus ubat' dilakukan oleh bomoh tetapi diluar dari tempat kajian.

**BAB III- PENGERTIAN KONSEP PERUBATAN TRADISIONAL
DAN PERUBATAN MODEN**

Di dalam sesuatu penyelidikan pengertian konsep adalah perlu bagi menjelaskan bidang kajian. Didalam bab ini pergertian konsep-konsep perubatan tradisional dan perubatan moden adalah berdasarkan ciri-ciri umum mengenainya.

A. Perubatan Tradisional

Pada dasarnya kepercayaan orang melayu dan cara-cara bomoh menjalankan ilmunya adalah serupa saja. Perubatan tradisional mempunyai hubongan yang rapat sekali dengan kepercayaan khususnya terhadap benda atau kuasa-kuasa ghaib. Sistem perubatan ini adalah dijalankan oleh bomoh atau pun pawang kerana mereka yang mengetahui dan dapat menggunakan kuasa-kuasa ghaib tadi. Dengan lain perkataan perubatan tradisional ini adalah berpusat pada institusi bomoh.

Jadi umumnya asas perubatan tradisional ialah terdiri dari tiga ciri yang sangat rapat kaitannya antara satu sama lain, iaitu:-

- (a) kepercayaan
- (b) asal usul penyakit
- (c) Pawang atau bomoh dengan magisnya.

a) Kepercayaan

Kepercayaan masyarakat melayu tradisional umumnya adalah campuran ciri-ciri animisme, Hindu dan Islam. Penyebatian ketiga-tiga jenis kepercayaan ini membuktikan adanya proses assimilasi antara kepercayaan masyarakat primitif dengan agama Hindu dan Islam. Pada zaman tradisional dahulu penduduk-penduduk adalah menganut ugama Islam tetapi tradisi-tradisi lama yang diwarisi dari tradisi anamism dan Hindu maseh lagi mengambil tempat dalam sistem kepercayaan dan Kehidupan sehari-hari.

Dalam perubatan cara tradisional ujud kepercayaan terhadap kuasa-kuasa atau tenaga-tenaga ghaib yang berupa hantu, jin dan shaitan; roh dan semangat, keramat, disamping kepercayaan mereka terhadap agama Islam yang lebih universal.

Tenaga-tenaga ghaib seperti hantu, jin dan shaitan dianggap sebagai kuasa jahat dan menakutkan. Hantu-hantu, jin dan shaitan dipercayai berkeliaran ditempat-tempat yang sunyi, dipokok-pokok kayu besar lagi rendang, dikubur-kubur dan dibusut-busut. Kepercayaan terhadap hantu ini disemai sejak dari kecil lagi. Ini jelas dengan adanya nama-nama hantu seperti hantu kubor, hantu golek, hantu galah, hantu raya, pontianak dan lain-lain. Shaitan dan iblis dikatakan lebih jahat dari hantu dan dipercayai boleh masuk kedalam tubuh manusia.

Shaitan sebagai teman suci disebut orang puraji mengatakan dia suka dan suka yang bertemu dengan pahlawan perjuangan dan berasanya ini akan membuat pahlawan orang ilahi Islam akan mati. (Abdul 1990). Teruslah suatu suatu akan orang yang berwajah buruk yang ghaib, yang dapat mengambil perintah orang.

Mengikut pendapat pawang-pawang atau bomoh melayu, tiap-tiap makhlok yang ada diatas muka bumi ini termasok manusia mempunyai semangat, jiwa atau roh. Oleh sebab manusia bersifat lebih daripada makhlok lain, sifat semangat, jiwa atau roh padanya mempunyai ciri-ciri tertentu. Sebagaimana yang ditegaskan oleh Winstedt (1951). Semangat manusia adalah bersifat "vital" atau sebagai (effective force) iaitu dilihat sebagai tenaga. Semangat adalah sesuatu yang amat penting sekali dalam kehidupan manusia dan yang mengawal perjalanan anggota badan manusia. Ini adalah pendapat primitif yang dipesakai oleh kebanyakan orang-orang melayu hari ini khususnya pawang dan bomoh melayu.

Skeat (1900) menyatakan roh adalah sebagai satu gambaran manusia yang halus tidak berbentuk dan berupa. Jika semangat terusek ia akan menyebabkan seseorang itu sakit. Ujudnya kepercayaan sasatu penyakit akan bertambah berat jika kuasa halus atau "Invisible Agents" jin, shaitan, hantu dan kuasa-kuasa jahat telah menguasai tubuh badan seseorang itu. Dengan itu pawang nanti akan menggunakan segala jampi ^{ghaib} bagi menakutkan kuasa-kuasa atau kuasa halus. Semangat atau roh makhlok-makhlok hidup dipercayai dapat merasa akibat kecederaan dan penyakit tubuh itu.

Keramat adalah satu lagi ciri kepercayaan orang melayu tradisional, kepercayaan ini tersebar dengan luas sekali. Keramat pernah ditafsirkan sebagai tempat suci dimana orang pergi membayar niat dimasa dan waktu yang tertentu dengan penoh perasaan hormat dan biasanya ini dilakukan pada kubor orang alim Islam atau wali. (skeat 1900). Keramat adalah tempat atau orang yang mempunyai kuasa yang ghaib, yang dapat mengabulkan permintaan orang.

Disamping itu terdapat kepercayaan berbentuk azimat atau pun tangkal dan keris. Azimat jika dipakai boleh menolak malapetaka yang akan menimpa diri seseorang. Azimat ada bermacam-macam, mithalnya azimat dari termakan racun, kebal dan pengaseh. Ia berupa tali pinggang, kalong atau cincin dan mempunyai pantang larang tertentu umpamanya tidak boleh dibawa ketempat kotor. Jika dilanggar, tidak akan memberi kesan lagi. Manakala keris adalah senjata yang dianggap benda suci yang mempunyai kuasa magis untuk menolong tuannya jika dalam kesusahan.

Dari segi perbidanan mengikut penyelidikan Winstedt (1951) terdapat kepercayaan dimana samasa tujuh bulan anak dalam kandungan ibu, sisuami tidak boleh bercukor rambutnya kerana takutkan kejadian-kejadian yang tidak diingini mungkin berlaku samasa isterinya melahirkan anak nanti.

Winstedt juga mencatatkan apabila si suami pergi berjalan-jalan di malam hari ia tidak boleh terus pulang ke rumah tanpa membuang dahulu sial-sial atau hantu shaitan yang mengikutinya samasa didalam perjalanan tadi. Ia mestilah singgah dahulu di rumah-rumah jiran dengan maksud membuang hantu itu. Dengan menyenggahi rumah jiran dipercayai hantu-hantu itu tidak akan mengikutinya dan mengancam isterinya yang sedang mengandong.

(b) Asal usul penyakit

Dari segi perubatan tradisional penyakit adalah disebabkan gangguan tenaga ghaib tersebut yang telah merosakkan dalam badan pesakit hasil dari buatan orang atau kategoran. Asal usul penyakit dirumuskan kepada empat kejadian dan sebab-sebab yang besar. Ke empat-empat asal kejadian penyakit dari segi pandangan masyarakat tradisional ini ialah dari bencuh penyakit yang sedia ada dari lahir, penyakit yang disebabkan oleh darah kotor, yang berkaitan dengan asas-asas tubuh badan-tanah ayer, api, angin dan penyakit yang ada kaitan atau disebabkan oleh unsur dari luar. Pembahagian ini adalah berupa satu pembahagian umum. (1)

luar sahul atau jernung berlaku.

Asal usul penyakit yang jelas sakali ialah yang dihasilkan oleh unsur-unsur dari luar seperti luka kena buat orang atau pun terkena racun. Ciri-ciri ini khususnya dapat dibahagikan kepada dua iaitu unsur-unsur yang dapat dilihat dan kaduanya ialah yang ghaib atau biasanya dikaitkan dengan kuasa magis atau sihir. Jenis kedua ini adalah dihubungkan dengan unsur-unsur seperti hantu dan shaitan.

(1) Wan Hussein Wan Mustapha - Masyarakat kampong dengan kapercayaan perubatan tradisional dan moden. Latihan Ilmiah JPM 1967.

Adalah dipercayai bomoh yang dapat mengawal kuasa-kuasa ghaib dan dengannya dapat pula mengubatkan penyakit-penyakit, juga dengan unsor-unsor yang sama, dapat mengakibatkan penyakit kepada yang lain. Peroses ini biasanya dilakukan dengan menggunakan hantu ataupun dengan menggunakan unsur lain seperti menahan jerat dengan menanam benda-benda yang tertentu misalnya ubat-ubat yang telah dijampi. Apabila orang itu melintasnya ataupun tersentuh dengannya ia akan beroleh sakit. Jika ini berlaku ia akan mengalaminya dengan sertamerta atau apabila sahaja ia pulang ke rumah. Penyakit yang samacam ini hanya dapat dikendalikan oleh bomoh atau pawang. Ia lebih cepat sembah jika bomoh yang sama mengubatinya, tetapi ini sukar sekali atau jarang berlaku.

(c) Pawang atau Bomoh dengan magisnya.

Sistem perubatan tradisional adalah berpusat kapada institusi bomoh. Bomoh merupakan orang yang bertanggong jawab menjalankan peranan mereka dalam bidang perubatan dan upacara-upacara yang lain yang ada hubungannya dengan kepercayaan. Disamping itu bomoh juga menjadi tumpuan dimana segala hasihat bagi semua aktiviti yang dilakukan boleh diminta.

Dikalangan masyarakat Melayu terdapat penggunaan perkataan bidan kampung, Pawang dan bomoh atau dukun, sebagai panggilan kapada mereka yang menjalankan tindakan magis atau perubatan tradisional ini. Pada keselurohannya panggilan ini menunjukkan tiga bidang pengkhususan perubatan tradisional ini.

Bidan kampong biasanya terdiri dari orang-orang perempuan yang tugasnya khusus dalam bidang perbidanan. Ia bertugas untuk merawati dan mengubati ibu-ibu yang mengandong dan bersalin. Perbidanan cara tradisional adalah berdasarkan pantang larang tertentu dan kepercayaan kapada tenaga-tenaga ghaib. Sabagai misalan pantang larang, umpamanya dari segi makanan, salepas bersalin ibu itu hanya dibenarkan makan ikan kering kerana takut kembang urat, tidak boleh makan benda-benda basah. Manakala dari segi kepercayaan adanya hantu langsui yang mengganggu samasa penglahiran bayi jadi beberapa cara atau ator cara disusun bagi mengelakkan ibu yang bersalin itu diganggu.

Pawang dan bomoh berbeza dari segi peranan atau fungsi yang dijalankan. Menurut Skeat (1900) "pawang and bomoh usually the words are treated as interchangeably though one may be favoured in a particular region. Sometimes however the distinction signals a division between the curen called the bomor and other practitioners of the magical arts." (m.s. 56)

Bomoh berasal di tempat-tempat dimana faham animism tebal dan kuat. Saorang pengkaji J.G. Frazer, didalam bukunya, The Golden Bough telah mengemukakan satu teori yang dianggap saintifik mengenai asal usual bomoh. Ia menganggap bahawa magis itu mula ada dengan tujuan mengawasi keadaan alam untuk kebaikan manusia. Magis merupakan satu alat yang penting dimasa itu dimana cara-cara sains tidak terdapat. Dengan munculnya magis maka muncullah golongan bomoh. Frazer saterusnya mengatakan bomoh-bomoh inilah doktor-doktor dan sarjana-sarjana asal. (2)

Dari segi kedudukan dan keistimewaan, bomoh merupakan golongan yang sangat penting di kampongnya dan mendapat layanan yang baik serta dihormati. Dari kajian R.J. Wilkinson (1932) mengenai kedudukan bomoh dalam masyarakat melayu beliau kata "In the Malay state of Perak the sorcerer or pawang was a man of good repute, a paid servant of the government, whose business was to heal the sick, direct the planters, watch over the mines and give expert advice to fishermen. He was in short the most important person in his village." (m.s.98).

(d) Cara Perubatan Tradisional

Perubatan tradisional mempunyai cara-cara tertentu yang dilakukan oleh bomoh untuk mengubati penyakit. Cara-cara yang dipraktikkan khususnya adalah untuk menguasai dan mengawal tenaga ghaib. Biasanya cara perubatan tradisional dapat dibahagikan kepada:-

- (2) Dr.Syed Hussin Al-Attas - Reflections on the theories of Religion, the Hague 1963 m.s. 18.

(i) Jampi, doa atau mentera

(ii) Keadaan lupa

(iii) ramuan sebagai ubat

(i) Jampi, doa atau mentera.

Cara ini merupakan bacaan beberapa ayat dari Quraan, pujian nabi atau orang ~~Keramat~~ kemudian diperturunkan dianggap mempunyai kuasa bagi menghapuskan hantu-hantu dan shaitan yang mengawal si ~~sakit~~ ^{pe}. Cara menjalankan jampi berbeza antara bomoh, umumnya ia dijalankan dengan disediakan tempat kemenyan dan beras satu piring untuk dijadikan penawar atau ubat.

(ii) Keadaan lupa.

Dengan cara ini bomoh menggelengkan kepadanya seperti orang tiada siuman lagi dan dipercayai berada di alam lain bersama dengan kuasa ghaib atau mereka yang sedang masuk hantu. Dengan demikian dipercayai mereka dapat menguasai hantu dan jin.

(iii) Ramuan atau ubat

Ramuan ini adalah jenis ubat yang diperbuat daripada campuran akar kayu atau pun daun kayu yang dicampurkan dengan beras. Biasanya ramuan ini dibuat dengan campuran yang tertentu bagi satu-satu penyakit dan kadang-kadang ada juga campuran yang berbeza antara kanak-kanak dan orang dewasa.

Perubatan tradisional adalah bercorak magico-religo dan adalah diperturunkan dari satu jenerasi kapada jenerasi yang lain dengan tiada diubah. Oleh kerana itu bentuk perubatan ini adalah penoh dengan adat yang mana bomoh mesti menurut saperapa banyak yang boleh.

Perubatan tradisional sebenarnya ia mempunyai penyelaras yang baik lagi sahihnya apabila berdasarkan pada ilmu dan pengalaman sendiri. Perubatan moden berusaha salaruh dengan perbaikongan ilmu pengalaman sendiri. Selain merupakan suatu bidang yang tradisional, hasilnya masih belum berdasarkan kepada suatu dasar praktikal dari seseorang yang dapat dibuktikan, teknologi dan keupayaan yang diperlukan semasa berusaha menuju maju. Perubatan yang berapabentuk adalah suatu sifat yang tidak dapat dihindarkan dengan sistem perubatan tradisional yang berdasarkan pada adat.

Sains saperoba mengupayakan suatu cara untuk mengenal abu makmalah atau teknologi teknologi dan teknik manusia sendiri dengan menggunakan kumpulan terbaik leluhur saperoba dan untuk memperbaiki kualiti sains tertentu.

Sistem perubatan moden merupakan suatu sistem yang mempunyai kelebihan-kelebihan dalam dia bersama-sama ia ia masing berfungsi. Proses ini, mampu untuk memudahkan dan menjaga kesihatan manusia.

Pada awalnya sistem perubatan moden dapat dibahagikan kepada tiga ciri utama iaitu:-

(a) Hospital atau klinik

B) Perubatan Moden.

Dalam bidang perubatan telah timbul pula sistem baru yang berasaskan pada pengetahuan sains. Sistem ini adalah lebih moden lagi efektif jika dibandingkan dengan sistem perubatan tradisional yang berasaskan magis sabagaimana yang telah diperkatakan. Perubatan moden berlainan sekali kerana ia memerlukan penyelikan yang rapi lagi saintifik sesuai dengan nilai dan pengetahuan moden. Perubatan moden berkembang selaras dengan perkembangan ilmu pengetahuan sains. Sains merupakan satu bidang yang ~~brasional~~, logik dan empirical berdasarkan teori-teori dan praktikal dari perucubaan yang dapat dibuktikan kebenaran dan kesalahannya yang dari masa kesama masa berkembang maju. Perubatan yang berasaskan sains ini mempunyai sistem yang lebih moden lagi efektif jika dibandingkan dengan sistem perubatan tradisional yang berasaskan pada magis.

Sains seperti magis merupakan satu cara untuk menguasai atau menaikloki alam keliling untuk kepentingan dan faedah manusia sendiri dengan menggunakan hukum-hukum tertentu iaitu merupakan alat untuk mencapai matlamat-matlamat tertentu.

Sistem perubatan moden merupakan satu sistem yang mempunyai bahagian-bahagian dimana diantara satu sama lain saling berhubungan. Proses ini khusus untuk meneliti dan menjaga kesihatan awam.

Pada asasnya sistem perubatan moden dapat dibahagikan kepada tiga ciri utama iaitu:-

- (a) Hospital atau klinik

(b) kakitangan atau penolong

(c) Doktor.

(a) Hospital atau klinik

Hospital atau klinik merupakan bangunan yang didirikan khusus untuk menjalankan aktiviti perubatan. Bangunan ini biasanya dibiayai oleh kerajaan atau pihak-pihak persendirian. Disini ialah pusat perubatan moden dimana terdapat ubat-ubat dan alat-alat kelengkapan bagi kemudahan perubatan.

Biasanya Hospital mempunyai beberapa unit yang tertentu pula. Imapamanya biled rawatan khusus untuk merawat pesakit dan lain-lain unit yang mempunyai kepentingan masing-masing. Jadi ia merupakan satu bahagian yang penting dalam sistem perubatan moden.

(b) Kakitangan atau penolong.

Kakitangan atau penolong yang penting terdiri dari jururawat bidan, pemberi ubat dan lain-lain kakitangan yang mempunyai peranan masing-masing bagi melicinkan sistem perubatan tersebut. Kakitangan ini dirasakan penting kerana tanpa mereka tidak mungkin dapat dilaksanakan peroses perubatan tersebut. Mereka ini diberi latihan dan gaji sebagai upah.

(c) Doktor

Doktor merupakan orang yang memainkan peranan penting dalam sistem perubatan moden ini. Doktor menjalankan tugas untuk mengubati orang sakit. Oleh kerana itu untuk menjayakan dan memajukan sistem perubatan ini, haruslah ada doktor yang berkelayakan.

Dalam sistem perubatan moden ini se-seorang yang ingin menjadi doktor haruslah mempunyai pelajaran dan latihan dalam bidang perubatan. Didapati ujud pengkhususan dalam bidang yang mereka ikuti walaupunnya bidang pergigian dan perubatan biasa. Melakui sistem perubatan tradisional, kebanyakannya bomoh adalah terdiri dari orang Melayu sendiri tetapi melalui sistem perubatan moden, doktor terdiri dari berbagai-bagai bangsa tidak kira Melayu, Cina, India atau Eropah.

Berkaitan dengan kedua-dua sistem perubatan tradisional dan moden dalam masyarakat Bangkok, pengajar berlatarbelakang pengetahuan dan teknik-teknik mereka sendiri sama sekali perubatan tradisional atau perubatan moden. Pengetahuan mereka ditularkan dari segi literatur dan oral walaupun pengaruh jenis pengaruh dan cara perubatan. Di samping itu disebut juga veterinar, buah-buahan perubatan dan menggunakan teknologi dalam dunia buah.

BAB - KETIGA

PANDANGAN MASYARAKAT MELAYU SUNGAI WAY

MENGENAI PERUBATAN TRADISIONAL DAN PERUBATAN MODEN

Masyarakat Melayu Sungai Way merupakan masyarakat Melayu bandar yang dipilih oleh pengkaji untuk mendapatkan pandangan mengenai perubatan tradisional dan perubatan moden. Pandangan ini dibuat sebagai meneliti bentuk pemikiran, nilai dan sikap masyarakat Melayu Sungai Way dalam peroses pembaharuan.

Bandar adalah pusat segala perubahan bagi segala yang moden. Kemasukan pengaroh Barat dan penyebarannya yang pesat membawa pembaharuan yang besar sekali ke atas pembangunan negara. Begitu juga mengenai kesedaran orang-orang Melayu. Di sini timbul persoalan apakah bentuk ataupun corak kesedaran orang-orang Melayu terhadap perubatan moden selepas masoknya pengaroh Barat itu dan sejauh manakah penerimaan ciri-ciri moden serta setakat manakah penolakan ciri-ciri tradisional oleh orang-orang Melayu.

Untuk mengetahui keadaan dan kedudukan perubatan tradisional dan moden dalam masyarakat Sungai Way pengkaji berdasarkan pandangan dan sebab-sebab mereka memilih samada perubatan tradisional atau perubatan moden. Pandangan mereka dilihat dari segi kepercayaan dan asal usul penyakit, jenis penyakit dan cara perubatan. Di samping itu diteliti juga pekerjaan, komudahan perubatan dan pandangan terhadap doktor dan bomoh.

A. Kepercayaan Dan Asal Usul

Penyakit

Telah dijelaskan dalam Bab Kedua tentang asal usul penyakit sebagaimana diperdayai mengikut pandangan perubatan tradisional. Adakah didapati kebanyakan daripadanya ataupun pada keseluruhannya dikaitkan dengan kuasa-kuasa hantu, jin dan syaitan ataupun sebab yang semula jadi. Asal usul penyakit ini adalah jauh berbeza jika dibandingkan dengan pendapat moden yang menyalorkan semua kejadian penyakit kepada kuman-kuman halus yang dapat diperhatikan dengan menerusi alat-alat yang tertentu. Ini bermakna mengikut pandangan moden, perawatan yang sesuai untuk penyakit-penyakit ini didapati dengan cara penyelidikan dan kajian yang saintifik pula. Di sinilah letaknya kelebihan dan rasionalnya perubatan moden.

Keadaan yang begitu berlainan ini memberi kesan terhadap pemikiran masyarakat Melayu Sungai Way terutama golongan muda, apatah lagi mereka ini tinggal di bandar di mana banyak dipengaruhi unsur-unsur moden. Mereka mengatakan sebab-sebab penyakit secara perubatan tradisional adalah karut dan tidak masuk akal. Mereka tidak percaya adanya hantu atau kuasa ghaib yang menyebabkan sesuatu penyakit kerana pelajaran yang mereka terima dari persekolahan membentuk fikiran mereka kepada nilai-nilai yang logik. Di sekolah mereka diajar pelajaran sains ataupun dahulu dikenali dengan nama ilmu kejadian. Melalui pelajaran ini diajarkan sebab dan keadaan-keadaan yang menyebabkan sesuatu penyakit. Umpamanya penyakit disebabkan kekurangan dzat makanan, keadaan yang kotor dan kuman-kuman yang mungkin dibawa oleh habok di-

tinggi keadaan cipta yang membuktikan mungkin kerana tidak ada kesaksian jalan. Unsur-unsur ini dapat diterima oleh akal fikiran dan segi logiknya dan kebenarannya.

Seorang responden menyatakan bahawa beliau pernah sakit perut kerana appendix tetapi sekarang sudah baik setelah dibedah. Sebelum pergi hospital, emaknya memanggil bomoh bila melihat beliau mengaduh kesakitan sambil berguling-guling memegang perut. Bomoh datang mengubat dan menyatakan yang beliau terkena buatan orang yang dengki padanya. Setelah puas berubat tetapi penyakitnya tidak berubah. Kemudian beliau pergi ke hospital, doktor menyatakan bahawa beliau mempunyai penyakit appendix dan harus dibedah. Emak beliau takut dan tidak mengizinkan dilakukan pembedahan tetapi beliau dan ayahnya mahu pembedahan dilakukan. Setelah dibedah, perut beliau tidak sakit lagi dan beliau mendapat rawatan sehingga keadaan beliau pulih seperti sediakala. Sejak itu beliau tidak lagi mahu berjumpa bomoh; begitu juga emaknya yang telah mendapat pengajaran.

Kesah ini membayangkan keadaan bagaimana kebanyakan daripada mereka hilang kepercayaan kepada perubatan tradisional kerana sebab-sebab penyakit yang tidak logik dan tidak berkesan perubatannya jika dibandingkan dengan perubatan moden. Dengan perubatan moden, sesuatu penyakit diteliti oleh doktor dan diberi ubat-ubat serta rawatan yang sempurna.

Ibu-ibu yang mengandong dan yang melahirkan anak lebih suka pergi ke hospital untuk mendapat rawatan. Semasa mengandong, ibu-ibu tersebut pergi ke klinik untuk dipereksa dan mendapat nasihat bagaimana menjaga kesihatan dan makanan yang diperlukan. Bila cukup harinya untuk melahirkan anak, mereka pergi ke hospital dan tinggal di sana

hingga keadaan pulih yang membolehkan mereka dirawat oleh bidan-bidan kerajaan yang datang ke rumah. Anak-anak mereka pula sering dibawa ke klinik untuk pemeriksaan dan diberi nasihat. Ini berbeza dengan cara perubatan tradisional kerana kepercayaan adanya kuasa ghaib atau hantu yang mungkin mengganggu dan kepercayaan-kepercayaan serta upacara-upacara semasa nengandong. Keadaan keselamatan tidak terjamin kerana jika sesuatu kecemasan berlaku, tidak ada kelengkapan sempurna seperti perubatan moden.

Dari keterangan-keterangan responden, didapati bahawa mereka tidak mahu bersalin secara tradisional kerana keadaannya rumit dan memerlukan persiapan-persiapan. Mereka telah melihat sendiri keadaan bagaimana penglahiran bayi secara tradisional semasa mereka di kompong debuju. Setelah membandingkan dengan cara perubatan moden di bandar, mereka dapat membezakan dan menilai yang mana lebih selamat dan ringkas. Di sini mereka dapat memikirkan mengikut perubahan keadaan setelah mengalami dan meneliti antara kedua-dua cara perubatan tersebut.

B. Jenis Penyakit

Pandangan masyarakat tentang jenis penyakit dirasakan perlu kerana didapati ada jenis-jenis penyakit yang masih dipercayai oleh mereka hanya boleh diubat atau lebih berkesan diubat secara perubatan tradisional. Di sini dijelaskan dua jenis penyakit yang masih dipercayai oleh mereka iaitu penyakit patah dan urut serta penyakit sawan.

Boleh dikatakan kesemua orang yang ditemuduga mengatakan bahawa sukar sekali dapat diatasi kepandaian bonoh dalam bidang penyakit patah dan urut, walaupun oleh kebijaksanaan sains. Ini sebenarnya adalah

tradisional. Minyak jampi walaupun mengandungi alkohol juga boleh mengobati. Sesama satu kenyataan kerana walaupun dengan kuasa jampi 'ayer tawar' dan juga urut bomoh dapat menyembuhkan orang yang sakit patah. Menurut keterangan responden adakah jika bomoh itu terlalu bijak beliau tidak senestinya berjumpa orang yang patah itu untuk mengubatnya dan dengan kuasa ayer dan juga minyak yang dijampinya sudah cukup. Minyak biasanya dilumurkan pada tempat yang patah itu manakala ayer tawar pula dilumur atau pun dibuat minuman dan dengan sendirinya tulang yang patah itu sembah seperti keadaan biasa dengan tiada kesulitan. Ini adalah berlainan sekali dengan perubatan moden di mana orang yang patah ataupun tempat yang patah itu mesti dix-raykan dan dibetulkan pula dengan cara disimin.

Mengenai pandangan mereka terhadap perkara ini, pendapat Ali dapat menggambarkan keadaan yang sebenarnya. Berkaitan dengan patah perubatan moden ada caranya sendiri iaitu dengan disimin. Anak beliau jatuh dan patah tangannya, beliau berpendapat dengan cara tradisional lebih rengkas dan tidak mengalami masa yang lama, iaitu dengan cara jampi dan diurut perlahan-lahan dengan minyak jampi, serta merta tempat yang patah itu jadi sama. Pernah beliau perhatikan anak sahabat beliau yang patah tangan dibawa ke hospital, tetapi apabila sudah baik tangan anaknya tidak seperti sediakala, keadaannya bengkok sedikit. Masalahnya sekarang ialah agak sukar untuk mendapatkan atau menemui bomoh yang ahli dalam hal ini. Sebaliknya ke hospital lebih senang dan cepat.

Pendapat ini membayangkan pandangan umum masyarakat di sini kerana pendapat-pendapat mereka semuanya lebih kurang sama sahaja. Mengikut pendapat ibu-ibu pula selepas bersalin jika mengikut cara

tradisional biasanya mereka nanti mengurut dan membengkong perut. Secara perubatan moden sistem ini tidak ada. Sebagai orang Melayu yang turun-temurun mengamalkan cara ini adalah baik untuk menjaga bentuk badan tetapi masalahnya sekarang agak susah untuk menemui bidan-bidan untuk mengurut. Oleh itu mereka terpaksa pulang ke kampong ataupun tidak payah langsung berurut cara tradisional.

Sawan, satu penyakit kanak-kanak kecil di mana kanak-kanak itu menangis, tiada sedarkan diri juga menjadi salah satu dari penyakit di mana perubatan tradisional masih lagi disukai, oleh kerana perubatan tradisional secara jampi dan proses 'menjual' adalah sesuai. Seorang ibu menyatakan bahawa beliau mempunyai empat orang anak lelaki dan anak kelimanya adalah seorang perempuan. Setelah lahir, anak perempuannya itu selalu sakit-sakit, demam dan asyek menangis. Ramai orang yang mengatakan yang anak itu tidak serasi dengan beliau. Sudah puas beliau membawanya berjumpa doktor tetapi keadaan anak itu tidak juga berubah. Jiran beliau menasihatkan supaya anak itu 'dijualkan' kepadanya secara nama sahaja. Setelah itu anak beliau tidak lagi demam-demam dan menangis.

Kebanyakan mereka tidak percaya kepada jenis penyakit yang dikatakan kerana buatan orang atau keteguran. Menurut mereka apabila dirawat di hospital ternyata itu adalah penyakit dalam porat, demam atau sakit jantung dan lain-lain penyakit. Kepercayaan demikian adalah karut kerana ada di antara responden itu mengikart kata bosoh penyakit itu sebab kena buatan orang tetapi setelah pergi ke hospital baharulah beliau

(1) Membengkong - satu cara untuk menjaga perut iaitu melilit perut dengan kain yang dibeli 3 elai dibahagi tiga dan disambungkan.

mengetahui yang beliau mengidap sakit jantong.

C. Cara Perubatan

Dalam sistem perubatan tradisional yang berdasarkan kuasa magic kita dapat i ada upacara-upacara yang rumit sekali bagi memujuk dan menghalau hantu-hantu. Ini berbeza sekali dari perubatan moden yang mementingkan jenis ubat yang dapat membunuh kuman-kuman yang mengakibatkan penyakit itu. Memandang kepada dua ciri yang berbeza ini dan oleh kerana yang moden lebih berkesan dari yang tradisional maka sudah tentu cara perubatan moden dapat mempengaruhi perubatan tradisional.

Pengertian ini jelas dari keterangan responden yang mengatakan cara perubatan tradisional membazir dan tiada kait mengait dengan penyakit jika difikirkan secara lojiknya. Secara tradisional jika seseorang ingin berubat terpaksa menyediakan alat-alat seperti tempat bara, kemenyan, asam limau, telur, kain hitam, kain kuning dan bermacam-macam lagi menurut kehendak seseorang bomoh itu. Cara bomoh mengubatnya pula ialah dengan menjampi ataupun ia tiada sedar diri dan di masa inilah ia memberitahu sebab-sebab penyakit itu. Sungguhpun ada yang sembah dengan perubatan begini tetapi jarang hendak berjumpa dengan bomoh yang betul-betul pandai dan bijak.

Satu lagi cara perubatan tradisional yang dianggap karut ialah setelah seseorang itu dianggap sembah ia terpaksa putus ubat. Putus ubat ini merupakan satu syarat diwajibkan dengan membawa barang-barang makanan yang dipantangkan dan kadang-kadang dengan wang pengeras sekali. Sekiranya seseorang yang sudah sembah itu tidak pergi memutus ubat dipercayai penyakit dahulu akan berbalik pada bomoh. Dengan ini bomoh akan berikhtiar memulangkan semula penyakit itu kepada empunya dengan gunakan jampi-

jampi. Seorang responden mengatakan beliau pernah kena demam panas, setelah berubat dengan doktor keadaan panas badannya mulai berkurang iaitu lebih kurang seminggu lamanya ia sakit. Badannya lemah dan kepala-nya pening. Ibunya ingin membawa dia berjumpa bomoh kerana takut terkena lintasan, jadi ia menurut sahaja. Semasa berubat bomoh itu menyatakan bahawa dia mempunyai darah keturunan raja, beliau demam dan pening sebab tidak memperdulikan keturunannya. Di dalam berubat ini beliau juga dipantangkan memakan ayam atau memanggil ayam. Beliau merasakan semuanya itu karut tetapi sudah terlanjur berubat terpaksa beliau teruskan dan bila keadaannya pulih sedikit lekas-lekas beliau menyuruh ibunya untuk putus ubat. Untuk putus ubat bomoh itu meminta wang \$17.77 £ , nasi kunyit, telur 11 biji dan ayam seekor. Selepas dijampi beliau disuruh makan ayam di hadapan bomoh itu. Semenjak dari itu beliau rasa serik hendak berjumpa bomoh kerana hingga sekarang pun beliau masih seperti biasa selalu pening kepala.

Kebanyakan responden mempunyai pendapat yang begitu iaitu tidak setuju dengan cara perubatan tradisional kerana ada pantang larang dan ada pula putus ubat dengan syarat-syarat yang tidak masuk akal.

Pandangan-pandangan yang diberikan di atas adalah pandangan responden-responden yang ditemuduga oleh pengkaji sebagai mewakili pandangan masyarakat Melayu Sungai Way. Masyarakat di sini lebih ramai golongan muda. Golongan muda ini adalah golongan yang menerima pelajaran samada sekolah Inggeris atau Melayu. Mereka sudah lama tinggal di bandar dan berkeluarga di sini. Oleh kerana itu bentuk fikiran dan fahaman mereka telah berubah, tidak lagi memberatkan cara-cara lama atau cara tradisional. Dari keterangan responden golongan ini didapati jika mereka sakit, mereka akan segera pergi ke hospital atau klinik persendirian. Mereka tidak

teringat untuk pergi berjumpa atau mencari bomoh.

Di kalangan golongan tua didapati mereka juga sudah berubah keadaannya iaitu berada di pertengahan dengan mengamalkan kedua-dua jenis perubatan tersebut. Keadaan ini berlaku kerana mereka juga sudah lama tinggal di bandar kerana mengikut anak-anak mereka yang bekerja di sini. Jadi sedikit sebanyak terpengaruh dengan keadaan sekitar. Namun begitu mereka masih percaya akan kebolehan bomoh. Ini jelas dari keterangan mereka jika mereka sakit, mereka lebih suka balik ke kampong tetapi kadang-kala anak mereka tidak mengizinkan dan menghantar mereka berubat ke-hospital. Oleh itu jika mereka hendak berubat dengan bomoh selalunya adalah di luar pengetahuan anak mereka.

D. Kemudahan Perubatan

Jika dibandingkan kemudahan perubatan antara perubatan tradisional dan moden, di Sungai Way perubatan moden lebih senang dan mudah untuk mendapat rawatan. Hospital Kerajaan terdapat di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya dan untuk pergi juga mudah samada dengan menaik bas, teksi atau kereta sendiri. Untuk mendapat rawatan, cuma dikenakan bayaran lima puluh sen sahaja. Manakala klinik persendirian terdapat di mana-mana tetapi bayarannya agak mahal sedikit. Sungguhpun begitu kebanyakan responden lebih suka pergi ke klinik persendirian kesana lebih mudah dan cepat.

Dari segi perhubungan cara perubatan moden lebih senang dan cepat. Ini disebabkan perkhidmatannya sentiasa ada iaitu dua puluh empat jam sehari. Umpamanya jika dalam kecemasan walaupun pukul dua pagi si-sakit boleh pergi ke hospital atau talipon ambulan yang akan segera membawa pesakit. Sebaliknya bomoh agak sukar untuk dihubungi.

Masalahnya ialah di sini tidak ada bomoh oleh itu terpaksa mencari di-tempat lain dan keadaan yang tidak tentu ini menyebabkan bomoh sukar di-hubungi, terutama bila dalam keadaan kecemasan. Kebanyakan responden tidak yakin dalam keadaan kecemasan seperti sakit tenat bomoh dapat mengendalikan dan menunjukkan kecekapan. Mereka yakin dengan perubatan moden yang lengkap dengan doktor dan penolong-penolongnya serta alat-alat bagi merawat pesakit yang dalam kecemasan.

Responden juga memberikan sebab-sebab mengapa mereka sudah biasa dan lebih memilih perubatan moden. Jika berlaku kemalangan jalanraya atau melecoh kena ayer panas atau terkena api sakit-sakit lain tempat yang dituju untuk mendapat rawatan ialah hospital. Dengan secara tidak langsung membuktikan perubatan moden lebih baik dan lebih berkesan serta menjadi tempat tumpuan bila mendapat cedera atau sakit. Perubatan tradisional boleh dikatakan tidak langsung mendapat perhatian untuk jenis-jenis kecederaan yang begini.

Dari keterangan responden semua penduduk mendapat kemudahan perubatan moden samada mereka bekerja dengan kerajaan atau firma swasta dan berpendapatan tinggi atau rendah. Jika mereka hendak mendapat cuti bekerja kerana sakit, harus mendapat pengesahan dari doktor. Seorang responden yang bekerja di Firma Champion Motor, Petaling Jaya menyatakan di tempat kerjanya ada klinik khas. Jika ia sakit dia pergi ke klinik tersebut untuk mendapat rawatan dan kemungkinannya ia mendapat cuti. Oleh kerana itu perubatan moden sudah menjadi darah daging seperti kedudukan perubatan tradisional di zaman masyarakat Melayu tradisional.

Dalam bilangan pertama pada masuk mengikut saingan dari pertubuhan swasta. Dalam lepasnya perubatan moden banyak telah menjadi tertarik oleh pengaruh perubatan moden yang modernisasi. Mengikut di dalam

E. Peranan Bomoh

Di dalam masyarakat Melayu tradisional peranan bomoh didapati adalah rapat sekali hubungannya dengan semua lapangan kehidupan masyarakat. Dalam keadaan masyarakat sekarang peranan mereka telah banyak terancam oleh nilai-nilai baru yang lebih tegas kesannya dan sesuai pula dengan keadaan masyarakat. Ini bermakna nilai-nilai dan apa yang dipraktikkan dahulu diketepikan, dengan itu orang yang menjalankan peranan itupun menjadi kurang penting. Keadaan ini disebabkan oleh kemasukan perubatan moden dengan doktor yang mahir dan berkebolehan di dalam membuktikan sebagai pengubat penyakit.

Jika ditinjau dari aspek upacara dalam bidang sosial sebagai satu bidang yang khusus kita dapati bomoh menjalankan tugas bagi upacara-upacara seperti menaikkan rumah dan berkhatan atau bersunat bagi kanak-kanak lelaki. Pada masyarakat sekarang yang telah dipengaruhi oleh nilai-nilai moden segala aspek-aspek upacara dan istiadat yang seumpama ini adalah dianggap jauh sekali dari penting. Dari keterangan responden tidak melakukan upacara naik rumah bla mereka menunjukkan mereka mula-mula berpindah ke sini dahulu. Mengenai berkhatan pula mereka menghantar anak-anak mereka ke hospital kerana pada pendapat mereka itu lebih rangkas dan lebih cepat baik. Perubahan sikap ini terjelma dalam praktik mereka sehari-hari di mana semua atau kebanyakan upacara ini telah tiada lagi dilakukan dan ini bermakna tugas bomoh dalam bidang ini telah berkurangan atau tiada langsung. Dari sini jelas sekali yang peranan bomoh sebagai ketua magico-religious tiada bermakna lagi.

Dalam bidang perubatan pula mereka mendapat saingan dari perubatan moden. Dalam lapangan perubatan peranan bomoh telah menjadi terhad oleh pengaruh perubatan moden yang makmum meluas. Masyarakat di sini

mementingkan perubatan moden kerana mereka telah mempunyai kepercayaan terhadap kelebihan dan baiknya perubatan moden.

Berkurangnya peranan bomoh dalam bidang perubatan dan juga upacara-upacara bermakna kurangnya kepercayaan orang terhadap kuasa dan kebolehan bomoh dan ini mengakibatkan kekurangan tugas mereka terhadap masyarakat. Berlakunya kekurangan ini disebabkan oleh adanya personel baru iaitu doktor yang juga menjadi ahli dalam bidang yang sama yang berdasarkan kepada fahaman sains.

Selain perubatan sendiri iaitu sistem perubatan tradisional yang berasas bagi keperluan kewajipan dan sebagainya. Sistem ini dianggap berbahaya kerana dapat diambil dan dimanfaatkan oleh ahli sistem perubatan moden dengan maknanya pengaruh sistem perubatan tersebut. Jauh dari perubatan perubatan masyarakat Malaysia yang masih berada pada peratusan tradisional kepada perubatan moden.



Selain perubatan itu masih ada masih ada siri-siri yang menyebabkan masyarakat percubaan bersebat. Ada beberapa sebab yang mendorongkan perubatan dari cara perubatan tradisional kepada perubatan moden di antara yang. Yang paling penting sekali ialah pendidikan atau pelajaran. Pelajaran adalah menjadi suatu utama bagi kesejahteraan pendidikan moden yang lagi-lagi progresif dan merupakan suatu di mana aliran pikiran dan pemikiran cari-karuan dengan orientasi yang baru pula ditentukan kepada manusia.

Proses ini berlaku secara bersusur-anjur. Dapat dilihat atau di peroleh pendidikan, nilai-nilai baru diperkenalkan yang mengubah sikap

BAB - KE EMPAT

SERAB-SEBAB PERUBAHAN

PANDANGAN DARIPADA PERUBATAN

TRADISIONAL KEPADA PERUBATAN

MODEN

Perubahan adalah menjadi satu ciri yang dialami oleh masyarakat di mana-manapun di dunia ini. Keadaan dan peroses yang sama juga berlaku kepada masyarakat Melayu khususnya dalam bidang perubatan selaras dengan kemajuan dalam bidang-bidang yang lain. Masyarakat Melayu mempunyai sistem perubatannya sendiri iaitu sistem perubatan tradisional yang berasaskan kepada homoh dan magic. Sistem ini dengan perlahan-lahan telah dapat diatasi dan diambil alih oleh sistem perubatan moden dengan meluasnya pengaruh sistem perubatan tersebut. Ini jelas dari perubatan pandangan masyarakat Melayu Sungai Way daripada perubatan tradisional kepada perubatan moden.

A. Faktor Pelajaran

Sesuatu perubahan itu mesti ada sebab atau **ciri-ciri** yang menyebabkan berlakunya perubahan tersebut. Ada beberapa sebab yang mendorongkan perubahan dari cara perubatan tradisional kepada perubatan cara moden di Sungai Way. Yang paling penting sekali ialah pendidikan atau pelajaran. Pelajaran adalah menjadi asas utama bagi kemajuan pendidikan moden yang begitu progresif dan merupakan punca di mana nilai-nilai sikap dan pemikiran corak baru dengan orientasinya yang baru pula disemaiakan kepada umum.

Proses ini berlaku secara beransor-ansor. Di sekolah atau di pusat pendidikan, nilai-nilai baru diperkenalkan yang mengubah sikap

dan bentuk pemikiran yang sedia ada. Ini membawa kecenderongan dan kemiripan mereka terhadap semua yang moden yang dibawa masuk dari Barat. Mereka yang telah menerima nilai-nilai baru ini kemudiannya mengajarkan pula nilai-nilai itu kepada keluarganya, apabila mereka berumah-tangga sendiri. Nilai-nilai baru ini digunakan dalam pengasuhan anak-anak mereka dan seterusnya nilai-nilai itu diturunkan dari satu jenerasi kesatu jenerasi lain. Pelajaran adalah satu cara yang berkesan dalam perubahan sikap dan cara berfikir sesuatu masyarakat.

Masyarakat Melayu Sungai Way terdiri dari golongan yang telah menerima pelajaran samada sekolah Inggeris atau Melayu. Mereka mempunyai pandangan dan nilai-nilai baharu hasil dari pelajaran yang mereka terima di alam persekolahan. Ini jelas dari bagaimana mereka membentuk ciri-ciri perubatan tradisional itu yang dianggap sebagai karut. Oleh kerana adanya kepercayaan kepada tenaga ghaib seperti hantu dan upacara-upacara yang membazir. Di samping itu mereka masih mempercayai akan kebolehan bomoh dalam bidang penyakit patah dan sawan. Ciri-ciri ini menunjukkan mereka mementingkan sesuatu itu berdasarkan kepada nilai-nilai dan fikiran yang lojik.

Pendidikan yang formal membentuk fikiran masyarakat kepada fikiran yang kritis begitu juga dalam didikan ugama. Oleh itu mereka dapat melihat akan pertentangan konsep perubatan tradisional dengan ajaran-ajaran Islam. Boleh dikatakan kesemua responden yang ditemui menyedari akan hakikat cara perubatan tradisional yang mempunyai kuasa-kuasa ghaib seolah-olah menduakan tuhan, begitu juga dengan pemakaian azimat. Namun begitu, jampi-jampi yang mengandungi ayat-ayat Quran masih dapat di-terima sebagai ikhtiar bagi mendapat pertolongan dari Allah yang maha

berkuasa. Dalam perubatan moden tidak terdapat kepercayaan kepada satu tertentu. Sungguhpun doktor-doktor memainkan peranan satu kuasa/penting tetapi ia dianggupkan sebagai seorang yang mahir dan mempelajari proses perubatan seperti orang lain yang mahir dalam bidang-bidang lain.

B. Faktor Alam Keliling

Faktor kedua ialah faktor tempat tinggal atau alam keliling (enviroment). Kebanyakan masyarakat Melayu Sungai Way dahulunya adalah berasal dari kampung. Mereka datang ke bandar kerana peluang kerja yang lebih baik. Responden yang ditemui oleh pengkaji kebanyakannya sudah berbeza keadaannya. Bandar adalah pusat segala perubahan bagi segala yang moden. Malah bandar itu sendiri merupakan permodenan. Ciri-ciri moden yang memakai seribu satu kemudahan dapat mengubah pendangan seseorang itu. Pusat perubatan hospital dan klinik dengan doktor dan penolong-penolongnya menjadi satu kepentingan utama di bandar yang sedia memberi khidmat pada bila-bila masa sahaja kepada yang memerlukannya. Perhubungan jalan-raya dan talipon yang pesat juga memudahkan seseorang itu untuk berhubung dengan pusat-pusat tersebut. Jadi di sini tidak menjadi masalah untuk menerima perubatan moden kerana segala kemudahan telah sedia.

Masalah yang timbul di bandar terutamanya di Sungai Way ini ialah masalah untuk meneroka bomoh kerana di sini tidak ada bomoh jadi terpaksa mencari di tempat lain. Bomoh tidak seperti doktor-doktor yang mempunyai klinik persendirian yang mempunyai papan nama sendiri di kliniknya. Jika hendak mencari bomoh harus bertanyakan kepada orang-orang yang pernah menemuiinya sedangkan masa kedatangan kemalangan atau kesakitan itu tidak dapat ditentukan. Oleh kerana itu kepercayaan kepada perubatan tradisional yang sedia tipis itu mulai beransur-ansur hilang diganti dengan

perubatan moden.

Perubahan pandangan juga disebabkan oleh bentuk perhubungan sosial di bandar yang bercorak berbilang bangsa. Pergaulan antara berbilang kaum yang tidak mengira Melayu, Cina dan India ini ujud samada di kawasan perumahan atau di tempat bekerja. Ini berbeza dari di kampong di mana penduduknya terdiri dari komuniti Melayu sahaja. Dengan bentuk komuniti yang sama ini membolehkan ciri-ciri tradisional mendapat tempat kerana ciri-ciri itu telah menjadi kebiasaan atau darah daging anggota-anggota masyarakat. Namun begitu ciri-ciri moden telah menjalar ke kampong yang juga membawa kepada pandangan masyarakatnya dari semata-mata mengamalkan perubatan tradisional kepada perubatan moden. Ini jelas dari latihan ilmiah yang telah dibuatumpamanya oleh Abdullah Taib (1967) dan Wan Hussin Wan Mustapha (1967). Dari keadaan ini menunjukkan sedangkan di kalangan komuniti yang terdiri dari masyarakat yang terdiri dari berbilang kaum. ^{Melayu keseluruhannya sudah berubah ini akan pula dalam}

^{Keaduan masyarakat}
Hubungan sosial yang begini dapat mengubah pandangan dan pemikiran dari amalan yang lama kepada yang baru berdasarkan ciri-ciri moden yang diterima oleh keseluruhan masyarakat bandar. Walaupun masyarakat Melayu mempunyai sistem perubatannya sendiri yang dipusakai turun temurun ^{dengan proses} modernisasi membawa perubahan pandangan atau kepercayaan daripada perubatan tradisional kepada perubatan moden. Ini jelas dikemukakan oleh responden yang ditemui oleh pengkaji dalam masyarakat Sungai Way.

C. Faktor Kelemahan Perubatan

Tradisional

Di antara sebab-sebab yang lain yang membawa perubahan-perubahan daripada perubatan tradisional kepada perubatan moden ialah banyak ciri-

ciri tradisional yang tidak dapat diterima oleh bentuk pemikiran ataupun nilai-nilai hidup masyarakat sekarang. Di samping itu didapati banyak kelemahan-kelemahan perubatan tradisional jika di bandingkan dengan perubatan moden baik dari segi orang yang menjalankannya atau cara perubatannya.

Masyarakat sekarang lebih mempercayai akan kebolehan doktor daripada kebolehan bomoh. Ini disebabkan doktor telah menunjukkan kebolehan mereka dalam mengubati berbagai jenis penyakit. Malah doktor mempunyai kedudukan yang tinggi dan dihormati oleh masyarakat. Di samping itu bilangan doktor dari masa kesemasa bertambah ramai dengan berkembangnya pelajaran sains dan galakan dari kerajaan untuk meninggikan taraf perubatan moden serta bertambahnya keperluan masyarakat terhadap doktor. Perkembangan ini membolehkan perubatan moden diterima oleh masyarakat pada keseluruhannya.

Manakala bomoh pula dari masa kesemasa bertambah kurang bilangan nya memandangkan ciri-ciri di mana sukaranya untuk menemui seseorang bomoh itu. Personaliti bomoh itu sendiri sekarang menunjukkan kelemahan dan kurang yakin masyarakat terhadap kebolehannya. Menurut keterangan responden, di antara mereka pernah tertipu oleh orang yang mengaku dirinya bomoh yang menggunakan tipu muslihatnya untuk mendapat kepercayaan. Mereka juga menerangkan di dalam akhbar-akhbar tempatan sendiri banyak tersiar cerita-cerita mengenai bomoh yang mengambil kesempatan untuk kepentingan dirinya, umpamanya menganiayai gadis-gadis atau perempuan yang datang menemuinya. Ini adalah menjatuhkan image bomoh itu sendiri. Walaupun tidak semua bomoh begitu tetapi keadaan begini menyebabkan orang takut untuk berubat dengan bomoh. Mereka takut kemungkinannya akan tertipu dan hanya membuang masa sahaja. Disebabkan ciri-ciri ini, orang ramai mulai tidak yakin dan hilang kepercayaan kepada bomoh.

Perkembangan mass-media wayang gambar dan suratkhabar samada Inggeris atau Melayu membawa perubahan fikiran dan pandangan kepada fikiran-fikiran yang lebih berdasarkan kepada lojik dan rasional. Jika diteliti, perubatan tradisional yang memerlukan alat-alatan seperti ayam, kemenyan dan pantang larang yang tertentu menimbulkan keraguan apakah kaitannya benda-benda ini dengan penyakit yang hendak diubati. Jika hendak dikira kan dari segi pembayaran tidak menjadi masalah kerana dengan berjumpa doktor terpaksa juga dibayar tetapi yang timbul ialah masalah kepercayaan. Bila difikirkan tentang tiadanya kepentingan benda-benda ini dan merasakan kurang berkesannya perubatan ini jika dibandingkan dengan ciri yang lebih baik, maka ini akan membawa perubahan pandangan. Perubahan pandangan begini jelas di kalangan masyarakat Melayu Sungai Way yang menolak ciri-ciri perubatan tradisional pada keseluruhannya melainkan dalam jenis penyakit yang tertentu seperti patah dan sawan.

ooooooooooooooo

BAB - KELIMA

PENUTUP

Masyarakat Melayu seperti yang telah diterangkan mempunyai sistem perubatan yang berunsurkan kepercayaan tradisional dengan peranan utamanya dimainkan oleh bomoh, pawang atau bidan yang dikatakan 'berilmu' kerana kepandaian mereka dalam tindakan magic. Sistem perubatan ini telah menjadi tradisi orang-orang Melayu dari satu jenerasi ke satu jenerasi sehingga datangnya sistem perubatan baru dari Barat yang berunsurkan sains. Sistem perubatan moden ini mula berkembang di pusat-pusat bandar dan seterusnya menjalar keluar bandar.

Bandar yang menjadi pusat perkembangan ciri-ciri moden menjadi kan ciri-ciri tradisional menerima persaingan hebat. Dengan meneliti pandangan masyarakat Melayu bandar khasnya masyarakat Sungai Way kita dapat menilai sejauh manakah penolakan ciri-ciri tradisional yang telah menjadi tradisi orang Melayu dengan adanya pengaruh perubatan moden yang begitu pesat di bandar.

Pada keseluruhananya didapati adanya perubahan pandangan masyarakat Melayu Sungai Way daripada kepercayaan perubatan tradisional kepada perubatan moden. Masyarakat Melayu yang telah berpindah ke bandar dan menetap di bandar mempunyai pandangan yang telah berubah. Mereka lebih mementingkan logik dan kerasionalan sesuatu ciri itu berdasarkan kenyataan dan kesan-kesan baiknya. Ini jelas dari pandangan mereka didapati penolakan cara perubatan tradisional bukannya 100%, misalnya pertolongan bomoh masih dicari bagi sakit-sakit patah dan sawan. Amalan ini masih dipraktikkan oleh kerana ada logiknya dan kesan yang lebih baik daripada perubatan moden.

Oleh itu penolakan mereka di dalam ciri perubatan tradisional ialah ciri-ciri magic yang menekankan kepercayaan kepada kuasa ghaib dan upacara-upacara yang berkaitan.

Darjah penolakan dan penerimaan cara tradisional atau moden adalah berbeza mengikut lingkungan umor dan kaitannya dengan alam keliling kampong atau bandar. Di kalangan umor muda mereka lebih cenderung kepada perubatan moden. Namun begitu bagi mereka yang masih ada kaitan dengan kampong sedikit sebanyak menerima perubatan tradisional kerana pengaruh dari orang tua atau sudah menjadi kebiasaan di kampong yang memberatkan ciri-ciri tradisional. Keadaan sebaliknya mungkin berlaku kepada golongan tua yang telah berpindah ke bandar menerima pengaruh perubatan moden.

Bomoh memainkan peranan penting di dalam ciri perubatan tradisional. Soalnya sekarang didapati makin lama makin tidak ada bomoh yang mahir terutama di bandar-bandar. Pada keadaannya pekerjaan bomoh hanya merupakan sebagai pekerjaan sambilan sahaja. Di samping untuk menjadi bomoh harus menuntut dan kebanyakannya bomoh yang telah mahir tidak menurunkan 'ilmunya'. Ciri-ciri ini disertai dengan perkembangan ekonomi dan pelajaran yang semakin pesat menyebabkan semakin berkurangnya bomoh semada di kampong atau di bandar. Ini merupakan salah satu sebab mengapa cara perubatan tradisional tidak dapat diteruskan.

Dengan perkembangan baru dalam ajaran agama melalui mass-media seperti suratkhabar, majallah, television dan radio yang menegalkan ajaran Islam juga menjadi sebab penolakan ciri tradisional yang mempercayai kuasa-kuasa hantu, shaitan dan iblis. Kepercayaan kepada kuasa-kuasa ini adalah 'syirik' kerana mempercayai kuasa yang lain selain dari kuasa Allah yang esa.

Perubahan merupakan ciri yang menunjukkan masyarakat itu dinamik kerana adanya faktor-faktor yang boleh membawa kepada perubahan seperti yang telah disebutkan dalam Bab Ke Empat. Faktor-faktor perubahan tempat tinggal ia itu akan keliling yang berlainan membawa perubahan bentuk fikiran bersesuaian dengan keadaan dan ciri-ciri baru. Faktor pelajaran merupakan sebab utama kerana melalui pelajaran segala ciri-ciri moden dan bentuk pemikiran yang berdasarkan sains dan logik disalurkan.

Faktor-faktor yang telah disebutkan dengan sendirinya menunjukkan perubahan merupakan ciri yang tidak dapat dielakkan, walaupun masyarakat Melayu mempunyai sistem peribatannya sendiri yang sebelum kedatangan perubatan moden telah menunjukkan kesanggupannya untuk mengubati penyakit. Oleh kerana perubatan moden mempunyai ciri-ciri yang lebih logik dan rasional maka ianya lebih diterima daripada perubatan tradisional yang dianggap tidak lagi sesuai buat masa sekarang.

Pada pendapat pengkaji kemungkinannya sistem perubatan tradisional yang telah beransur-ansur diketepikan oleh masyarakat Melayu bandar khasnya dan luarbandar amnya akan terus lenyap pada jennerasi akan datang. Ini berdasar pada ciri-ciri perkembangan pelajaran yang semakin pesat sekarang di mana boleh dikatakan kanak-kanak semuanya pergi ke sekolah apabila cukup umornya. Jennerasi ini akan terus hidup dengan nilai-nilai moden malah mungkin lebih maju dari jennerasi yang ada sekarang. Di samping itu didapati perkembangan perubatan moden semakin pesat samada di bandar atau di luar bandar melalui Kementerian Kesihatan yang khusus meneliti kesihatan awam. Begitu juga pihak-pihak persendirian banyak mendirikan klinik masing-masing bagi kemudahan perubatan.

BIBLIOGRAPHY

1. Abdullah bin Taib - Kenarwayaan Masyarakat Kampung Terhadan Perubatan Modern dan Tradisional - JPM Letihan Ilmiah 1967
2. Dr. Syed Hussein Al-Attas - Reflections On The Theories Of Religion. The Hague 1963
3. Endicott, Kirk Michael - An Analysis Of Malay Magic, Clarendon Press Oxford 1970
4. Malinowsky B - Magic, Science And Religion And Other Essays. Beacon Press, Boston, Massa - 1948.
5. Steward, Julian - Cont. Contemporary Changes In Traditional Society - Vol. II
6. Skeat, Walker William 1900 - Malay Magic: An Introduction To The Folklore And Popular Religion Of The Malay Peninsula (London Macmillan & Co. Ltd.)
7. Wan Hussein Wan Mustapha - Kenarwayaan Masyarakat Kampung Terhadan Perubatan Modern dan Tradisional - JPM Letihan Ilmiah 1967
8. Wilkinson R.J 1906 - Malay Beliefs - London
1932 - Some Malay Studies In JMBRAS Vol. 10 Part 1, January 1932.
9. Winstedt 1951 - The Malay Magician Being Shaman, Saiva And Sufi (London Routledge, K. Paul)